

**PARLIMEN: 6,700 Graduan Kejururawatan Dijangka Peroleh Kerja Menjelang 2015**  
**Bernama**  
**17 Oktober, 2012**

KUALA LUMPUR, 17 Okt (Bernama) -- Sekurang-kurangnya 6,700 graduan kejururawatan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) akan diserapkan secara berperingkat dalam perkhidmatan kerajaan menjelang 2015, Dewan Rakyat diberitahu.

Menteri Kesihatan Datuk Seri Liow Tiong Lai berkata langkah itu bagi menangani isu pengangguran dan lambakan kira-kira 8,000 graduan kejururawatan sekarang.

"Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Perjawatan dan Gaji Pekerja-pekerja Sektor Awam pada 14 Okt lalu telah bersetuju supaya bilangan perjawatan ditambah secara berperingkat iaitu sebanyak 1,681 jawatan setahun bermula tahun ini," katanya ketika menggulung perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2013 peringkat dasar bagi kementeriannya di Dewan Rakyat di sini Rabu.

Liow berkata temuduga pengambilan jururawat akan dijalankan dari 10 hingga 12 Nov depan.

Selain itu katanya, kerajaan turut akan mengkaji cara untuk menyerapkan graduan yang menganggur dalam Skim Latihan 1Malaysia agar mereka boleh diberi latihan dan "refresh" kemahiran mereka.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=702792>